



PERBADANAN STADIUM & KAWASAN LAPANG
P U L A U P I N A N G

DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**PENYEWAAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI MENCUCI
TOPI KELEDAR DI STADIUM NEGERI PULAU PINANG,
BATU KAWAN, KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU,
KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, KOMPLEKS
SUKAN POKOK SENA DAN DEWAN MILLENIUM
KEPALA BATAS
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.**

**No. Rujukan : PSDKLPP.2026.LP.01
Tarikh Tutup : 8 JUN 2026
Jam : 12.00 TENGAH HARI
Harga Dokumen : PERCUMA**

PERINGATAN PENTING:

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI
KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT
HARGA SEBELUM MENGISINYA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN
DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI
AKAN MENYEBABKAN TAWARAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK AKAN DI
PERTIMBANGKAN.**

KENYATAAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat di Pulau Pinang yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga seperti berikut:-

PERKARA	KELAYAKAN
PENYEWAAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI MENCUCI TOPI KELEDAR DI STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN, KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU, KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, KOMPLEKS SUKAN POKOK SENAN DAN DEWAN MILLENIUM KEPALA BATAS BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
HARGA DOKUMEN : PERCUMA	
TARIKH IKLAN : 25 MEI 2026 (ISNIN)	
TARIKH TUTUP: 8 JUN 2026 (ISNIN) , JAM : 12.00 tengah hari	

2. Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun (download) melalui ep.penang.gov.my.
3. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang terletak berhadapan Pejabat Urusan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada Sebut Harga yang lewat diterima.
4. Pengumuman harga hanya akan di baca bagi Sebut Harga yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran/justifikasi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.
5. Syarikat yang menyertai Sebut Harga diwajibkan melengkapkan Surat Aduan Pembida.
6. Salinan sijil pendaftaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan Sijil E-Perolehan Negeri Pulau Pinang (SySP) hendaklah disertakan bersama dengan dokumen sebut harga.
7. Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang paling rendah harganya atau sebarang Sebut Harga.

Bertarikh : 25 Mei 2026

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. PERIHAL SEBUT HARGA

1.1 Sebut Harga adalah bagi Penyewaan Tapak Mesin Layan Diri Mencuci Topi Keledar Di:

- i) Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan;
- ii) Kompleks Sukan Balik Pulau;
- iii) Kompleks Sukan Jalan Betek;
- iv) Kompleks Sukan Pokok Sena; dan
- v) Dewan Millenium Kepala Batas

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun. Sebut Harga ini adalah tertakluk kepada arahan-arahan kepada Penyebut harga, Syarat-Syarat Am Sebut Harga dan Spesifikasi Teknikal.

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Sebut Harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen Sebut Harga.

2.2 Dokumen Sebut Harga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Kenyataan Sebut Harga;
- b) Arahan Kepada Penyebut harga;
- c) Spesifikasi Teknikal/Spesifikasi Perkhidmatan/Spesifikasi Kerja.
- d) Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Kesahihan Dokumen yang dikemukakan Oleh Penyebut harga; (Borang A)
- e) Maklumat Latar Belakang Penyebut harga; (Borang B)
- f) Data-data kewangan (Borang C)
- g) Laporan Bank/Istitusi Kewangan (Borang CA)
- h) Tawaran Harga (Jadual 1)
- i) Ruang Niaga Bagi Perkhidmatan Mesin Layan Diri (Jadual 2)
- j) Penyelenggaraan dan Pembersihan Mesin Layan Diri (Jadual 3)
- k) Borang Sebut Harga
- l) Surat Akuan Pembida

2.3 Dokumen Sebut Harga adalah **PERCUMA**. Hanya dokumen yang dimuat turun melalui Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang diakui sah dan akan dipertimbangkan.

3. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

3.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi Borang-Borang Sebut Harga. Penyebut harga tidak dibenarkan mengguna borang yang difotostat. Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang berhak menolak Sebut Harga yang dibuat atas dokumen yang difotostat.

3.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan - ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.

- 3.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicap dengan cap rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 3.4 Borang-Borang yang perlu diisi adalah seperti berikut :
- a) Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Kesahihan Dokumen yang dikemukakan Oleh Penyebut harga; (Borang A)
 - b) Maklumat Latar Belakang Penyebut harga; (Borang B)
 - c) Data-data kewangan (Borang C)
 - d) Laporan Bank/Iststitusi Kewangan (Borang CA)
 - e) Tawaran Harga (Jadual 1)
 - f) Ruang Niaga Bagi Perkhidmatan Mesin Layan Diri (Jadual 2)
 - g) Penyelenggaraan dan Pembersihan Mesin Layan Diri (Jadual 3)
 - h) Borang Sebut Harga
 - i) Surat Akuan Pembida
- 3.5 Perbadanan berhak menolak mana-mana Sebut Harga yang tidak mengemukakan maklumat dan dokumen serta Borang yang diperlukan.

4. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 4.1 Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh penama yang menandatangani Dokumen Sebut Harga serta dicapkan dengan cap syarikat Penyebut harga. Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.
- 4.2 Perbadanan berhak menolak Sebut Harga yang didapati membuat pindaan tetapi tidak ditandatangani.
- 4.3 Semua pindaan ke atas Borang Sebut Harga selepas dari tarikh tutup Sebut Harga tidak akan dilayan oleh Perbadanan.

5. KESALAHAN RASUAH

- 5.1 Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan Penyebut harga akan menyebabkan Sebut Harga tersebut ditolak dengan serta-merta. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar, memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan Sebut Harga ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

6. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Penyebut harga adalah dikehendaki mengembalikan dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh penama yang diberi kuasa.
- 6.2 Sebut Harga yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang terletak di Pejabat Pentadbiran Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Simpang Ampat, 14100 Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup berkenaan. Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

7. PERJANJIAN KONTRAK

- 7.1 Pembida yang berjaya boleh disenaraihitamkan oleh Perbadanan jika lewat mengemukakan insurans/dokumen kontrak tanpa sebab yang munasabah.

SPESIFIKASI

BIL	SPESIFIKASI
1.	<p>1.1 PERKARA Penyewaan Tapak Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Kompleks Sukan Balik Pulau, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Kompleks Sukan Pokok Sena bagi tempoh Tiga (3) Tahun.</p> <p>1.2 LOKASI Terdapat 4 lokasi iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan (Daerah SPS) https://goo.gl/maps/m3TH53BygDT64tG97?coh=178571&entry=tt ii) Kompleks Sukan Balik Pulau (Daerah BD) https://goo.gl/maps/M2hBZA3w7XERiLAW8?coh=178571&entry=tt iii) Kompleks Sukan Jalan Betek (Daerah SPT) https://goo.gl/maps/gpVUUTYzBaEWkW7z9?coh=178571&entry=tt iv) Kompleks Sukan Pokok Sena (Daerah SPU) https://maps.app.goo.gl/QbSqyQpobDVx5MMc9 v) Dewan Millenium Kepala Batas (Daerah SPU) https://maps.app.goo.gl/wBJbtgvWBupgfb9h6 <p>1.3 ARAHAN Pengusaha hendaklah mematuhi spesifikasi terperinci yang disediakan di bawah tanpa sebarang pengurangan atau perubahan.</p>

BIL	SPESIFIKASI
2.	<p>2.1 PERIHAL Penyewaan Tapak Mesin Layan Diri Mencuci Topi Keledar di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Kompleks Sukan Balik Pulau, Kompleks Sukan Jalan Betek, Kompleks Sukan Pokok Sena Dan Dewan Millenium Kepala Batas bagi tempoh Tiga (3) Tahun.</p>

BIL	SPESIFIKASI
3.	<p>3.1 KEPATUHAN KEPADA SPESIFIKASI</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Setiap Pengusaha yang ingin menyertai sebut harga ini boleh melawat ke tempat perkhidmatan bagi mengetahui tentang latar belakang serta kemudahan-kemudahan di tempat berkenaan. Pihak pengusaha boleh menghubungi Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang bagi tujuan penetapan tarikh dan masa ke lokasi yang dimaksudkan. ii. Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang tidak akan melayan apa-apa masalah yang ditimbulkan oleh pihak Pengusaha akibat daripada kurang mengetahui masalah-masalah di tempat perkhidmatan selepas kontrak telah ditandatangani. <p>3.2 KADAR SEWA</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Harga tawaran sewa yang diberikan oleh Pengusaha semasa menyertai sebut harga ini adalah muktamad. Sebarang permintaan untuk penurunan harga sewa selepas sebut harga dibuat tidak akan dipertimbangkan. Jadual tawaran Harga bagi perkhidmatan Mesin Layan Diri adalah seperti Jadual 1.

- ii. Kadar Sewa adalah tidak termasuk termasuk peralatan dan pengusaha dikehendaki menyediakan segala kemudahan dan peralatan sendiri untuk bagi membolehkan Mesin Layan Diri beroperasi dengan baik dan lancar. Segala peralatan mestilah diperbuat dari bahan '**stainless steel**' atau tidak mudah berkarat.
- iii. Harga jualan yang diberikan hendaklah berdasarkan kepada harga yang ditawarkan di dalam sebut harga. Sekiranya terdapat rungutan **daripada pihak pengguna atau pihak Pengurusan PSDKLPP** mengenai harga jualan yang tidak munasabah, maka Kerajaan berhak menarik balik tawaran yang telah dibuat pada bila-bila masa sahaja tanpa apa-apa bayaran pampasan.
- iv. Sewaan Tapak Mesin Layan Diri ini adalah bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan.
- v. Bayaran sewaan tapak hendaklah dijelaskan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang pada atau sebelum 7 **haribulan** pada setiap bulan. Sesalinan resit bayaran sewaan bulanan hendaklah diserahkan ke PSDKLPP pada setiap bulan. Sekiranya sewaan tidak dijelaskan selama **2 bulan berturut-turut**, kontrak ini boleh ditamatkan dan pihak Kerajaan boleh mendapatkan tuntutan tersebut terus daripada wang cagaran kontrak

3.3 JUALAN DAN SENARAI BAHAN YANG DIJUAL

- i. Pengusaha dilarang menjual atau menggunakan bahan-bahan yang **Tidak Halal, bahan-bahan yang telah tamat tarikh luput dan yang dilarang penjualannya** oleh Kerajaan dan juga bahan- bahan yang tidak disenaraikan dalam perjanjian tanpa mendapat kelulusan **PSDKLPP** terlebih dahulu.
- ii. Harga-harga perkhidmatan dan tanda harga hendaklah dipamerkan dengan jelas di tempat yang strategik dan mudah di lihat oleh pelanggan. Sebarang kenaikan harga tidak dibenarkan dan sebarang perubahan perlu mendapatkan kelulusan PSDKLPP.

3.4 RUANG NIAGA

- i. Urusniaga hanya dibenarkan di Stadium Negeri Pulau Pinang, Kompleks Sukan Balik Pulau, Kompleks Sukan Jalan Betek, Kompleks Sukan Pokok Sena dan Dewan Millenium Kepala Batas sahaja. Lokasi Ruang Niaga yang dibenarkan adalah sebagai senarai lokasi seperti di **Jadual 2**.
- ii. Pengusaha tidak dibenarkan melakukan kerja-kerja pengubahsuaian yang melibatkan struktur bangunan tanpa kelulusan pihak PSDKLPP.
- iii. Semua kerosakkan yang berlaku dalam premis ruang niaga yang melibatkan kemudahan yang disediakan oleh pihak PSDKLPP mestilah dilaporkan kepada PSDKLPP secara bertulis. Jika didapati kerosakkan adalah berpunca dari kecuaiian pihak Pengusaha maka pihak Pengusaha hendaklah menanggung kesemua kos pembaikan.
- iv. Pengusaha **tidak dibenarkan membuat sub-kontrak** tanpa kebenaran pihak PSDKLPP. Sekiranya perniagaan lain yang dibuat dan menimbulkan kecurigaan di mana terdapat

perbuatan sub-kontrak tanpa kebenaran maka pihak Kerajaan berhak menamatkan tawaran/ kontrak tersebut dengan serta-merta.

- v. Pengusaha bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kebersihan ruangan Mesin Layan Diri.
- vi. Pendawaian elektrik bagi pemasangan *Vending Machine* hendaklah dikonduit dengan menggunakan *galvanised iron pipe* dan tidak mengamalkan sambungan banyak (*octopus fitting*) bagi mengelak berlaku lintar pintas.
- vii. Kebersihan seperti titisan air yang berada didalam ruang *Vending Machine* perlu dijaga dengan rapi.

3.5 LESEN PERNIAGAAN / URUSNIAGA

- i. Sekiranya dalam tempoh ini pihak Pengusaha gagal untuk mengemukakan lesen berkenaan, pihak Kerajaan berhak untuk menamatkan kontrak ini

3.6 WANG CAGARAN KONTRAK

- i. Pengusaha yang berjaya adalah dikehendaki mengemukakan :
 - a) Wang Cagaran Kontrak berjumlah tiga (3) bulan sewaan.
 - b) Cagaran Kontrak ini akan dikembalikan sesudah kontrak diselesaikan dengan memuaskan dan Pengusaha Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) yang berjaya telah menyelesaikan semua hutang piutang dengan Kerajaan.

3.7 PEKERJA

- i. Pengusaha adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyediakan pekerja yang mencukupi dan efisien pada setiap masa bagi memastikan Perkhidmatan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) berjalan lancar.
- ii. Pengusaha hendaklah mengemukakan senarai nama dan maklumat peribadi pekerja yang akan bertugas bagi proses penyelenggaraan di Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) kepada pihak PSDKLPP.
- iii. Pengusaha hendaklah menastikan semua pekerja bebas dari kes jenayah serta penyalahgunaan dadah. Pihak PSDKLPP berhak menahan seseorang yang tiada dalam senarai pekerja. Pengusaha dikehendaki menjalani tapisan keselamatan selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh surat tawaran dikeluarkan.

3.8 WAKTU OPERASI

- i. Pengusaha hendaklah memastikan waktu operasi Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) adalah 24 jam.
- ii. Kerja-kerja penyelenggaraan dan kutipan hasil dari *Vending Machine* dijalankan semasa waktu pejabat sahaja dengan mengikut jadual yang ditetapkan. Rekod kerja- kerja penyelenggaraan perlu dihantar ke Unit Pentadbiran untuk membuat pengesahan kerja selesai dibuat sepanjang tempoh kontrak. Rekod kerja-kerja penyelenggaraan yang disahkan hendaklah dikepilkan bersama resit sewa bulanan ke Unit Pentadbiran seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

BIL	SPESIFIKASI
4.	<p>4.1 SKOP PERKHIDMATAN</p> <p>i. Pengusaha perlu menyediakan perkhidmatan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain lagi</p> <p>ii. Pengusaha Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) adalah dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku pencemaran yang disahkan oleh pihak berkuasa berpunca daripada perlepasan air daripada Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>).</p>

BIL	SPESIFIKASI
6.	<p>6.1 PELETAKAN MESIN</p> <p>i. Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) itu diletakkan di kawasan yang sesuai bagi melindungi hasil di dalam mesin daripada apa-apa pencemaran dan pasti bersih serta disusun kemas sepanjang masa.</p> <p>ii. Ruang di sekeliling dan di bawah Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) itu mudah dicapai untuk dicuci dan tidak menjadi tempat bersarang perosak. Lantai di mana Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) itu dimaksudkan untuk dipasang, diperbuat daripada bahan rata tidak telap air yang mudah dicuci dan dapat tahan cucian dan sentalan yang berulang-ulang.</p> <p>iii. Penempatan Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) di bawah <i>aircond compressor</i> tidak dibenarkan bagi mengelakkan litar pintas.</p> <p>iv. Mana-mana pemunya atau pengendali Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) yang tidak mematuhi perkara 6 (i) hingga (iv) melakukan suatu kesalahan, apabila bersabit didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.</p> <p>v. Pihak Pengusaha boleh mencadangkan tempat bagi meletakkan mesin layan diri (<i>vending machine</i>) kepada pihak PSDKLPP.</p>

BIL	SPESIFIKASI
7.	<p>7.1 PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN LAYAN DIRI (<i>VENDING MACHINE</i>)</p> <p>i. Nama dan alamat berdaftar pengusaha dan nombor telefon untuk dihubungi mesti dilabelkan pada setiap Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>).</p> <p>ii. Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) makanan itu digunakan secara eksklusif untuk pencucian topi keledar sahaja.</p> <p>iii. Kawasan persekitaran di mana Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) itu ditempatkan dikekalkan bersih, kemas dan bebas daripada perosak.</p> <p>iv. Pengusaha perlu membersihkan segala sampah selepas penyelenggaraan atau sampah dari lokasi <i>Vending Machine</i> dan dibuang sendiri ke tempat pelupusan sampah.</p> <p>viii. Dibersihkan kaviti dan bukaan pintu sekurang-kurangnya sekali sehari dengan pencuci tanpa bahan kimia. (Jika ada)</p> <p>ix. Dikekalkan daripada longgokan gris yang menjadi kerak dan pencemaran yang lain. (Jika ada)</p>

BIL	SPESIFIKASI
9.	<p>9.1 TEMPOH PERJANJIAN / KONTRAK</p> <p>Tempoh perjanjian/kontrak bagi perkhidmatan Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Kompleks Sukan Balik Pulau, Kompleks Sukan Jalan Betek, Kompleks Sukan Pokok Sena Dan Dewan Millenium Kepala Batas ini adalah selama tiga (3) tahun.</p>

BIL	SPESIFIKASI
10.	<p>10.1 KEPERLUAN AM</p> <p>10.1.1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA</p> <p>Setiap Pengusaha yang ingin menyertai sebutharga ini mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.</p> <p>10.1.2 PENILAIAN KEWANGAN</p> <p>Setiap Pengusaha yang ingin menyertai sebutharga ini mestilah melampirkan laporan kewangan syarikat 2 tahun berturut-turut atau penyata bank 3 bulan terkini.</p> <p>10.2 LAIN-LAIN</p> <p>10.2.1</p> <p>Tempoh sahlaku sebut harga bagi perkhidmatan Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) Stadium Negeri Pulau Pinang, Kompleks Sukan Balik Pulau, Kompleks Sukan Jalan Betek, Kompleks Sukan Pokok Sena Dan Dewan Millenium Kepala Batas adalah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.</p> <p>10.2.2</p> <p>Pengusaha boleh menyatakan tawaran bagi keseluruhan atau mana-mana lokasi yang terlibat.</p>

10.2.3

Pelanggaran ke atas mana-mana syarat perjanjian tawaran ini boleh menyebabkan tindakan diambil untuk menamatkan perjanjian kontrak.

10.2.4

Keputusan tawaran ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

10.2.5

Pihak Pengusaha diminta untuk menghantar katalog, contoh makanan dan minuman yang akan diletakkan dan keterangan lanjut mengenai mesin tersebut.

10.2.6

Harga tawaran adalah termasuk sewaan tapak dan caj penggunaan bil elektrik bagi tempoh sebulan dan didarabkan dengan 36 bulan (3 tahun).

BORANG-BORANG SEBUT HARGA

KANDUNGAN BORANG SEBUT HARGA

BORANG	DISKRIPSI
A	SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA
B	MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENENDER
C	DATA-DATA KEWANGAN
CA	LAPORAN BANK INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUT HARGA
JADUAL 1	HARGA TAWARAN
JADUAL 2	RUANG NIAGA BAGI PERKHIDMATAN MESIN LAYAN DIRI
JADUAL 3	PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN MESIN LAYAN DIRI
	BORANG SEBUTHARGA
	SURAT AKUAN PEMBIDA (INTEGRITY PACT)

**BORANG A : SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN
KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH
PETENDER**

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :
.....
.....

Kepada : PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG
PULAU PINANG
STADIUM NEGERI PULAU PINANG,
14100 SIMPANG AMPAT, PULAU PINANG.

Tuan,

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut Harga termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat- maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan agensi tuan menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang dipelawa. Justeru itu Sebut harga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Sebut harga untuk disetujuterima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan perolehan yang dipelawa, mengikut penilaian tuan berasaskan maklumat- maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama Sebut harga sebelum Sebut harga ditutup. Maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami sertakan bersama-sama ini di Borang B, C, CA, D, DA, E, F dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya BENAR DAN SAH pada semua segi. Kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh pihak tuan terhadap kami dan/atau Sebut harga kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data atau dokumen yang kami berikan adalah didapati tidak benar atau palsu.
5. Kami mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut harga kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan mana-mana dokumen yang diperlukan untuk membolehkan pihak tuan membuat penilaian keupayaan kami.

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Kerajaan, Jabatan Kerajaan, Bank dan Institusi Kewangan lain, dan lain-lain atau mana-mana firma atau individu yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh pihak tuan untuk menyemak maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walaubagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas semua maklumat dan dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

7. Kami juga dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa pihak kami tidak ada membuat sebarang pakatan atau apa-apa bentuk amalan sepadu dengan mana-mana penyebut harga lain bagi mempengaruhi kemunasabahan harga sebut harga dan apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan atau yang mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan yang sihat bagi membolehkan sebut harga kami atau petender lain di pertimbangkan. Kami akur pihak Jabatan boleh menolak tawaran kami sekiranya pihak Jabatan mengesyaki sebarang pakatan harga dan pihak kami juga boleh di ambil tindakan di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712)

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk
Menandatangani Sebut Harga ini untuk dan bagi pihak :

.....
 Nama Syarikat :
 Cop Syarikat :

Yang Benar,

.....
 (Tandatangan Saksi)

Tarikh :
 Nama Syarikat :
 Cop Syarikat :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan:

Pekerjaan :

Alamat :

.....

BORANG B - MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

- 1. Nama :
- 2. Alamat :
.....
.....

No. Telefon: No. Faks:

- 3. Pendaftaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dengan Jabatan Kastam Diraja
Malaysia (jika berdaftar dan sertakan salinan pendaftaran

- i) No. Pendaftaran:
- ii) Tarikh Kuatkuasa :.....

- 4. Perniagaan Utama lain, jika ada

(a) sejak

(b) sejak

BORANG C – DATA KEWANGAN (Diisi oleh Kontraktor)

A. Penyata Kewangan Beraudit Syarikat

Bil	Tahun	Nama dan Alamat Juru Audit	Maklumat Juruaudit untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan	
			Nama	No. Telefon
1.				
2.				
3.				

Sertakan salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) oleh Juruaudit Bertauliah bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender. **Salinan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat yang tidak disahkan oleh Juruaudit Bertauliah tidak akan diambilkira.**

B. Penyata Bulanan Akaun Bank

Bil	Nama dan Alamat Bank (Di mana akan dibuka)	Nombor Akaun	Maklumat Pegawai Bank untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan	
			Nama	No. Telefon
Bank 1				
Bank 2				
Bank 3				

Sertakan salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. **Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank yang tidak disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan tidak akan diambilkira.**

BORANG C – DATA KEWANGAN (Diisi oleh Kontraktor) (samb)

C. Penyata Deposit Tetap (jika berkenaan)

Bil	Nama dan Alamat Bank (Di mana akan dibuka)	Nombor Akaun	Maklumat Pegawai Bank untuk Dihubungi Bagi Tujuan Pengesahan	
			Nama	No. Telefon
Bank 1				
Bank 2				
Bank 3				

Sertakan salinan Penyata Deposit Tetap yang disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan. **Salinan Penyata Deposit Tetap yang tidak disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan tidak akan diambilkira.**

NOTA UMUM

Sekiranya terdapat lebih daripada tiga (3) bank/institusi kewangan, sertakan maklumat tersebut dalam lampiran

SULIT

BORANG CA - LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

(Diisi oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Bahagian yang mengurus tender. Sekiranya laporan disediakan dalam bentuk lain, kandungan laporan tersebut wajib menepati maklumat yang dikehendaki seperti dalam Borang CA. Sekiranya tidak, laporan tersebut akan ditolak.

Kepada:

.....
.....
.....

(Pengarah Jabatan)

Nama Syarikat :

Projek :

Kemudahan Kredit sedia ada yang boleh digunakan untuk pelaksanaan projek. (sekiranya petender mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/Institusi Kewangan)

Bentuk Kemudahan Kredit	Nama Produk Kewangan (sekiranya ada)	Baki Yang Boleh Digunakan
i. Overdraf		
ii. Overdraf Bercagar		
iii. Talian Kredit		
	Jumlah	RM

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Nama Pegawai:

Cap Bank/

Jawatan :

Institusi Kewangan :

No. Tel Pejabat:

Tarikh :

JADUAL 1: TAWARAN HARGA
SEBUT HARGA BAGI PENYEWAAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI (*VENDING MACHINE*) DI STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN (DAERAH SPS), KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU (DAERAH BD), KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK (DAERAH SPT) DAN KOMPLEKS SUKAN POKOK SENNA (DAERAH SPU) DAN DEWAN MILLENIUM KEPALA BATAS (DAERAH SPU) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

Bil	Lokasi Penempatan Mesin Layan Diri	Jumlah Unit	Harga (RM)	Jumlah Sebulan (RM)
1	Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan (Daerah SPS)			
2	Kompleks Sukan Balik Pulau (Daerah BD)			
3	Kompleks Sukan Jalan Betek (Daerah SPT)			
4	Kompleks Sukan Pokok Sena (Daerah SPU)			
5	Dewan Millenium Kepala Batas (Daerah SPU)			
JUMLAH (RM) (a)				
JUMLAH SETAHUN (RM) (b) = (a x 12)				
JUMLAH TIGA (3) TAHUN (RM) (c) = (b x 3)				

Ringgit Malaysia :

.....

Peringatan:

- 1) Sewaan Tapak Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) ini adalah bagi tempoh tiga puluh enam (36) bulan;
- 2) Pihak Pengusaha perlu meletakkan tanda (/) pada pilihan dan harga adalah termasuk dengan caj penggunaan elektrik;
- 3) Pengusaha diminta melampirkan katalog produk yang hendak diletakkan.
- 4) Bayaran sewaan premis hendaklah dijelaskan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) pada atau sebelum **7 haribulan** pada setiap bulan; dan
- 5) Sesalinan resit bayaran sewa bulanan hendaklah diserahkan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang pada setiap bulan.

.....
Tandatangan Pengusaha

Nama Penuh:
No. K/P:
Alamat:.....
.....
.....

Atas sifat:.....

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....
No. K/P:.....
Alamat:.....
.....
.....

.....
Meterai atau Cap Pengusaha

**JADUAL 2:
RUANG NIAGA BAGI PERKHIDMATAN MESIN LAYAN DIRI MENCUCI TOP KELEDAR**

Bil	Lokasi Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>)
1	Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan : a)..... b).....
2	Kompleks Sukan Balik Pulau : a)..... b).....
3	Kompleks Sukan Jalan Betek: a)..... b).....
4	Komplek Sukan Pokok Sena : a)..... b).....
5	Dewan Millenium Kepala Batas : a)..... b).....

Nota:

- i) Lokasi yang akan diletakkan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) boleh ditentukan oleh pihak Pengusaha (gambar lokasi boleh dikepilkan)

**JADUAL 3:
PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN MESIN LAYAN DIRI (*VENDING MACHINE*)**

Bil	Hari	Masa	Jenis Penyelenggaraan dan Pembersihan

Nota:

- i) Pihak Pengusaha perlu mendapatkan tandatangan Pegawai Penguasa pada setiap kali selesai penyelenggaraan dan pembersihan.

BORANG SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

Sebut Harga Bil. **PSDKLPP.2026.LP.01**

Pengarah Eksekutif
Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang,
Stadium Negeri Pulau Pinang,
14100 Simpang Ampat,
PULAU PINANG.

Tuan,

PENYEWAAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI MENCUCI TOPI KELEDAR DI STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN, KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU, KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, KOMPLEKS SUKAN POKOK SENA DAN DEWAN MILLENIUM KEPALA BATAS BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.

Di bawah Spesifikasi Perkhidmatan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: (RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.

Bertarikh padaharibulan.....20....

.....
Tandatangan Pengusaha

Nama Penuh:
No. K/P:
Alamat:.....
.....
.....

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....
No. K/P:.....
Alamat:.....
.....
.....

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cap Pengusaha

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**PENYEWAAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI MENCUCI TOPI KELEDAR DI STADIUM
NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN, KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU,
KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, KOMPLEKS SUKAN POKOK SENAN DAN DEWAN
MILLENIUM KEPALA BATAS BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.
(No. Sebutharga: PSDKLPP.2026.LP.01)**

Saya, Nombor K.P yang mewakili syarikat nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini di dapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574); dan
- 2.4 tindakan tata tertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama & No. Kad Pengenalan)

Cop Syarikat :

** Potong jika tidak diperlukan*

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

**PENYEWAAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI MENCUCI TOPI KELEDAR DI STADIUM
NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN, KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU,
KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, KOMPLEKS SUKAN POKOK SENAN DAN DEWAN
MILLENIUM KEPALA BATAS BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN.
(No. Sebutharga: PSDKLPP.2026.LP.01)**

Saya, Nombor K.P yang mewakili syarikat..... nombor pendaftaran (SSM/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini di dapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga di atas; dan
- 2.3 disabitkan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574); dan
- 2.4 tindakan tata tertib lain mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan Sebut Harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama & No. Kad Pengenalan)

Cop Syarikat :

** Potong jika tidak diperlukan*

BORANG SENARAI SEMAK

Sila tandakan Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

(Nota: Pilih Senarai Semakan yang bersesuaian)

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran) dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Borang Maklumat Penyebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Penyerahan Katalog (wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Senarai Kakitangan Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Penyata Kewangan Syarikat bagi Dua (2) Tahun Berturut-turut	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Sijil E Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SySP)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Sijil Pematuhan Cukai (TCC)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda.

Tandatangan:

Tandatangan:

Tandatangan:

Nama:

Nama:

Nama:

Jawatan:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Tarikh:

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:



DIKOSONGKAN